



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA  
MINGGU EPIDEMIOLOGI 36  
(1 SEPTEMBER 2024 – 07 SEPTEMBER 2024)**

---

Pada Minggu Epidemiologi ke-36 tahun 2024, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 1,870 kes berbanding 1,765 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat satu (1) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-36 tahun 2024.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-36 adalah sebanyak 98,442 kes berbanding 82,485 kes bagi tempoh sama tahun 2023. Manakala terdapat 89 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 59 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2023.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-36 adalah sebanyak 53 lokaliti berbanding 64 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 53 lokaliti yang dilaporkan, 37 lokaliti di Selangor, enam (6) lokaliti di WPKL & Putrajaya, empat (4) lokaliti di Negeri Sembilan, empat (4) lokaliti di Perak dan dua (2) lokaliti di Kelantan.


Bagi surveilans chikungunya, terdapat dua (2) kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-36. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 72 kes. Tiada wabak Chikungunya dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-36. Bagi surveilans zika, sebanyak 1,870 sampel darah, lapan (8) sampel urin dan tiga (3) sampel cecair serebrospinal telah dijalankan saringan zika dan keputusan adalah negatif.

Aktiviti di luar rumah seperti bersukan, beriadah dan berkelah merupakan antara aktiviti pilihan yang semakin diminati oleh pelbagai peringkat masyarakat terutama semasa hujung minggu dan cuti umum. Selain dapat mengekalkan cara hidup yang sihat, ia juga dapat merapatkan hubungan sesama keluarga. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti luar rumah sebegini juga boleh mendatangkan risiko jangkitan penyakit berjangkit seperti demam denggi. Oleh itu orang ramai dinasihatkan agar sentiasa peka terhadap persekitaran dan mengambil langkah-langkah pencegahan sendiri dengan memakai pakaian berwarna cerah dan menutup anggota badan yang terdedah terutama pada waktu puncak gigitan nyamuk *Aedes* iaitu pada pukul 5 pagi hingga 8 pagi dan pukul 5 petang hingga 8 malam. Selain itu, pastikan tempat kegiatan atau aktiviti sentiasa dalam keadaan bersih. Lupuskan bekas makanan atau sampah di tempat yang disediakan agar tidak menjadi tempat pembiakan *Aedes*. Tidak peduli, maut menanti.  
**Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN**  
**13 SEPTEMBER 2024**




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-36 & ke-35 tahun 2024



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-36 tahun 2024 dan tempoh sama tahun 2023



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2024 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-36), 2023 dan median 2019-2023**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-36 tahun 2024**